

STPM Kertas 1 Set KVK 1:

Soalan 5 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Verifikasi dalaman merujuk kepada satu aktiviti pemeriksaan bebas dengan tatacara tertentu bagi memastikan bahawa tugas yang dipertanggungjawabkan telah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Dua tatacara verifikasi dalaman yang sentiasa dilakukan pada akhir setiap bulan dalam satu sistem maklumat perakaunan adalah:

1. Penyediaan imbalan duga untuk memastikan bahawa semua urusan niaga direkodkan mengikut sistem catatan bergu.
2. Penyediaan penyata penyesuaian bank bagi memastikan bahawa bagi mengemaskinikan baki akaun bank dan juga mengesan kesilapan atau ketinggalan yang mungkin wujud.

Dua ciri verifikasi dalaman yang boleh menambahkan keberkesanan pelaksanaan sistem kawalan dalaman di sesebuah organisasi adalah:

1. Verifikasi perlu dilakukan secara mengejut dan berkala. Dengan cara ini, sebarang penyelewengan dapat dikesan dan kesilapan atau ketinggalan dapat dikesan dalam tempoh yang terdekat.
2. Verifikasi perlu dibuat secara bebas oleh individu yang tidak berkaitan dengan pekerja yang menyediakan data-data atau melaksanakan tugas yang diperiksa. Ini akan mengelakkan kes suhabat atau konspirasi daripada berlaku.
3. Sebarang percanggahan yang wujud semasa proses verifikasi perlu dilaporkan dan tindakan pembetulan perlu diambil secara segera. Ini boleh menyelesaikan masalah yang timbul dan juga membantu memperbaiki sistem kawalan dalaman yang sedia ada.

- (b) (i) Catatan jurnal:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Nov 6	Inventori Akaun belum bayar (Merekod belian inventori secara kredit)	17,400	17,400
9	Akaun belum bayar Inventori (Merekod pulangan kepada pembekal)	1,450	1,450
13	Tunai Jualan (Merekod jualan inventori secara tunai)	16,000	16,000
	Kos jualan Inventori (Merekod kos jualan dengan MDKD)	11,860	11,860
18	Inventori Tunai (Merekod belian inventori secara tunai)	13,300	13,300
24	Inventori Akaun belum bayar (Merekod belian inventori secara kredit)	7,100	7,100
27	Akaun belum terima	28,700	

	Jualan (Merekod jualan inventori secara kredit)		28,700
	Kos jualan Inventori (Merekod kos jualan dengan MDKD)	20,010	20,010
30	Kerugian inventori Inventori (Merekod pelarasan rekod inventori dengan stok fizikal)	980	980

Nota:

1. Kos jualan pada 13 November 2020:

Unit jualan	Kos mengikut MDKD (RM)	Jumlah (RM)
520	15	7,800
280	14.50	4,060
800		11,860

2. Kos jualan pada 27 November 2020:

Unit jualan	Kos mengikut MDKD (RM)	Jumlah (RM)
820	14.50	11,890
580	14.00	8,120
1,400		20,010

3. Kerugian inventori:

Unit inventori akhir mengikut rekod

= $(520 + 1,200 - 100 + 950 + 500) - (800 + 1,400)$ = $3,070 - 2,200 = 870$ unit

Unit inventori akhir mengikut stok fizikal = 800 unit

Kerugian inventori dalam unit

= $870 - 800 = 70$ unit

Nilai inventori akhir mengikut kaedah MDKD

= $70 \times \text{Rm}14.00 = \text{RM}980$

(ii) Penyata pendapatan komprehensif bagi bulan berakhir 30 November 2020

	RM	RM
Jualan (16,000 + 28,700)		44,700
(-) Kos jualan (11,860 + 20,010)	31,870	
Kerugian inventori	980	32,850
Untung kasar		11,850
(-) Belanja operasi		6,480
Untung bersih		5,370

- (iii) Tiga sebab mengapa kaedah Masuk Kemudian, Keluar Dahulu (MKKD) tidak dibenarkan oleh piawaian perakaunan sebagai satu kaedah penilaian inventori dalam praktis sebenar adalah:
1. Nilai inventori akhir yang tidak realistik kerana inventori akhir mengikut MKKD terdiri daripada inventori yang masuk terdahulu. Lazimnya, inventori yang masuk terdahulu mempunyai harga kos yang rendah dan berbeza dengan nilai inventori pada masa kini.
 2. Dalam jangka masa panjang, kaedah ini akan mewujudkan banyak lapisan inventori akhir dan ini menyukarkan pengiraan inventori.
 3. Memberi peluang kepada pihak pengurusan memanipulasikan keuntungan perniagaan dengan membeli inventori sebelum membuat jualan.